

oleh pihak PTPK. Ini telah menyebabkan pihak PB keliru dengan peranan PTPK sebagai pemudahcara pengurusan dana pinjaman latihan atau agensi PTPK ini merupakan agensi penguatkuasa yang mengambil alih peranan JPK.

2.1.3 PB AKAN DIBEKUKAN SEKIRANYA ADA PERSONAL BERDAFTAR DENGAN PB TERSEBUT YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK BERSAMA PTPK

- Pihak PTPK turut menekan PB untuk membuat bayaran bagi pihak Personal Berdaftar (Pegawai Penilai) sekiranya mereka mempunyai tunggakan pinjaman latihan bersama PTPK. Kegagalan membuat bayaran akan membolehkan pihak PTPK menghentikan bayaran yuran pengajian kepada PB dan tiada agihan kuota yang baru kepada PB tersebut.

2.1.4 KESAMARATAAN DI DALAM AGIHAN KUOTA

- Pihak PTPK didapati gagal mengenalpasti lain-lain kriteria sewaktu membuat agihan kuota seperti jenis program ditawarkan, keperluan industri yang sangat memerlukan, penarafan 5 bintang JPK, kapasiti yang diluluskan JPK, tempoh PB tersebut telah terlibat dengan industri kemahiran (lama/ baharu), sumbangan personal di dalam sesebuah PB bagi membangunkan industri kemahiran Negara mahupun reputasi baik PB samada di dalam mahupun di luar Negara.
- Dengan meletakkan satu standard seperti diagihkan samarata mengikut peruntukan yang diterima kepada lebih 400 PB berdaftar melalui kriteria 25 pelatih bagi program 5 bintang dan 20 pelatih bagi program 4 bintang pasti akan membunuh PB yang telah membesar dan mempunyai kapasiti yang tinggi.